

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HKB 312 Karya-Karya Terpilih dari Kesusasteraan Eropah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. SAMA ADA

(a) Di dalam "Nota Pengarang" Conrad merujuk kepada ilusi-ilusi yang menggoda manusia. Dengan menganalisis pihak penjajah dan mereka yang dijajah di dalam Istana Impian (Almayer's Folly), tunjukkan bagaimana Conrad mempersembahkan wawasan yang peka tentang persoalan ini.

ATAU

(b) Cerita seorang bapa iaitu Almayer dan anaknya Nina dikembangkan Conrad sehingga merangkumi soal "benevolent paternalism." Sejauhmanakah Conrad berjaya mengkritik metafora "bapa" dan "anak" yang kerap kali digunakan para imperialis di dalam wacana imperialis?

2. Di dalam sebuah drama yang ringkas, Ibsen cuba menyelami konflik jiwa seorang wanita yang ingin kembali kepada tanggungjawab terhadap dirinya sendiri (Nora: "My duty to myself"). Bincangkan.

.../2

3. SAMA ADA

- (a) Mengikuti John Brushwood, Marquez "mencipta realiti tersendiri." Bincangkan setakatmanakah Marquez berjaya menjalinkan mitos, fantasi dan realiti biasa di dalam One Hundred Years of Solitude bagi mempertajamkan penerokaan kewujudan manusia.

ATAU

- (b) Perwatakan keluarga Buendia memperlihatkan kepekaan Marquez kerana setiap ahli keluarga ini memburu obsesi (ilmu, memori, kemasyhuran, keseronokan) dan fantasi masing-masing. Bincangkan.
4. Brecht mempelopori suatu bentuk drama yang mementingkan kesan-kesan keterasingan ("alienation effects"). Bagaimanakah teknik begini menyumbang kepada persoalan drama Mother Courage and Her Children?
5. Setakatmanakah Maurois berjaya menyelami psikologi watak-wataknya yang menginginkan cinta di dalam suasana pemencilan dan keterasingan (Musim atau Seasons)?

-oooOOOooo-